

KEBENARAN DALAM SEJARAH MENURUT IBN KHALDUN

oleh:

MD. SALEH BIN MD. GAUS

Disiplin Sejarah dan persoalan-persoalan berhubung dengannya seperti definisi sejarah, sekop pengkajiannya, fakta-fakta sejarah dan objektiviti dalam sejarah serta kaitan disiplin sejarah dengan disiplin-disiplin lain telah dikaji, dihurai dan soalan-soalan yang timbul telah cuba dijawab oleh ahli-ahli falsafah sejarah dan sejarawan-sejarawan. Dalam jangkamasa lima puluh tahun akhir-akhir ini persoalan mengenai disiplin Sejarah telah dibincangkan dengan bersungguh-sungguh dari masa-masa yang lalu sekurang-kurangnya kalau dinilai dari segi bilangan tokoh-tokoh yang terlibat.

Semua sejarah adalah sejarah masa kini mengikut Croce. Dengan itu beliau bermaksud sejarah itu melihat masa lalu melalui kaca mata masa kini dan tugas utama sejarawan bukan sekadar mencatat tetapi juga menilai.¹ Pendapat ini disokong oleh seorang sejarawan Amerika Syarikat, Carl Becker, melalui pendapatnya yang fakta sejarah tidak ujud melainkan sejarawan itu sendiri mencapainya.

Collingwood pula mengatakan sejarah bukan sahaja mengenai 'masa lalu' tidak juga cuma mengenai 'pemikiran sejarawan' tetapi sebenarnya mengenai hubungan timbalbalik antara keduanya itu. Tegasnya semua sejarah adalah sejarah pemikiran dan sejarah adalah pelaksanaan semula dalam fikiran sejarawan mengenai pemikiran yang cuba dikaji.² Bagi E.H. Carr pula sejarah adalah satu peroses interaksi berterusan antara sejarawan dan fakta-faktanya, dan dialog yang tidak putus-putus antara masa kini dengan masa lalu.³

Huraian di atas bukan bermaksud untuk menafikan peranan ahli falsafah sejarah dan sejarawan serta pengkajian mereka sebelum itu, tetapi untuk cuba mengemukakan persamaan pemikiran sejarawan kurun ke dua puluh itu dengan ahli falsafah sejarah dan sejarawan Islam Ibn Khaldun.

Mengikut Ibn Khaldun sejarah merupakan maklumat tentang perubahan-perubahan yang telah berlaku pada sifat-sifat masyarakat itu, seperti kebiadaban, keramahan dan perasaan setiakawan segolongan, tentang revolusi dan pemberontakan oleh sesuatu golongan manusia terhadap manusia lainnya dengan mengakibatkan terbentuknya kerajaan dan negara, bersama-sama dengan rakyat jelatanya yang berbagai-bagai; tentang kegiatan-kegiatan dan pekerjaan manusia yang berbeda-beda, baik untuk memperoleh nafkah hidup maupun dalam berbagai-bagai ilmu pengetahuan dan pertukangan; dan pada umumnya tentang semua perubahan bentuk yang dialami oleh masyarakat itu menurut sifatnya.⁴ Tegasnya sejarah adalah "...information about human social organization..."⁵ Dengan itu, mengikut Ibn Khaldun, Sejarah merangkumi semua kegiatan manusia.

¹E.H. Carr, *What Is History?*, Penguin Books Ltd., Harmondsworth, 1961, h. 21.

²*Ibid*, h. 21-22.

³*Ibid*, h. 30.

⁴Charles Issawi, M.A., *Falsafah Ibn Khaldun*, Oxford University Press, K. Lumpur, 1964, h. 40.

⁵Ibn Khaldun, *The Muqaddimah*, Princeton University Press, N. York, 1967, h. 71.

Croce, Becker, Collingwood, Carr dan Ibn Khaldun masing-masing menentukan pentingnya prinsip penilaian yang melibatkan penggunaan fikiran kritis dalam pensejarahan bagi menentukan kebenaran sejarah. Fakta-fakta sejarah diperolehi melalui proses penilaian. Bagi Ibn Khaldun penentuan kebenaran catatan atau maklumat itu penting. Fakta dan catatan atau maklumat dua perkara berbeda. Kebenaran sejarah bergantung pada kebenaran fakta dan sumber-sumber seperti dokumen, catatan, inskripsi dan lain-lain. Memahami perbezaan fakta dan catatan atau maklumat perlu bagi memudahkan kita memahami konsep dan *methods* pensejarahan Ibn Khaldun selanjutnya dan kemudian membandingkannya dengan sejarawan kurun ke dua puluh.

Webster Third New International Dictionary mendefinisikan fakta sebagai,

“Something that has actual existence; an occurrence, quality, a relation the reality of which is manifest in experience or may be inferred with certainty.”⁶

Jalinan fakta yang didapati melalui sumber-sumber, kebenaran dan persangkutannya ditentukan oleh sejarawan, menjadikan satu sejarah yang kebenaran faktanya sudah ditentukan.

Berbeda dari fakta, catatan adalah sesuatu yang memberi maklumat, biasanya dalam bentuk huraian dan penerangan. Catatan mengenai sesuatu peristiwa dilakukan melalui pendengaran, penglihatan, perasaan atau pengalaman atau gabungan faktor-faktor ini, secara sukarela atau diarah. Cara mencatat dan medianya bebeda. Catatan pernah dibuat di atas daun, kulit binatang dan kulit kayu. Kebenaran catatan tertakluk kepada kajian-kajian selanjutnya. Jadi perbezaan catatan dan fakta adalah perbezaan pada *degree* kebenarannya. Sesuatu fakta itu kemungkinan berasal dari catatan, tetapi tidak semestinya fakta kerana kebenaran catatan dapat dipersoalkan lagi.

Pemulisan sejarah memerlukan beberapa sumber dan berbagai ilmu pengetahuan. Satu daripada sumber-sumber sejarah ialah catatan. Tetapi kesemua catatan, mengikut Ibn Khaldun, demi sifatnya itu sendiri tidak bebas dari kekeliruan. Bukan itu saja bahkan catatan itu sendiri memuat faktor-faktor yang menyebabkan kekeliruan memerlukan beberapa sumber lain juga menghendaki pengetahuan yang berbagai untuk mengetahuinya. Kebijaksanaan meneliti data-data bagi menentukan kebenarannya merupakan alat penting yang dapat menghalang penulis dari melakukan kekeliruan. Oleh itu catatan perlu melalui proses tertentu. Sekiranya sejarawan meyakini sesuatu maklumat atau catatan dalam bentuk asalnya tanpa mempunyai pengetahuan tentang prinsip-prinsip dan adat resam, fakta-fakta asas politik tamaddun manusia dan tidak dapat membedakan dahulu dan sekarang serta tidak membuat perbandingan kritikal sejarawan itu akan menghasilkan tulisan yang terkeluar dari landasan kebenaran.

Beberapa faktor kekeliruan telah dikemukakan oleh Ibn Khaldun dan disokong oleh beberapa contoh. Namun demikian contoh-contoh tersebut tidak begitu penting kalau dibandingkan dengan konsep yang cuba dikemukakan olehnya iaitu objektiviti dalam sejarah. Contoh yang hampir dengan kita juga dapat digunakan bagi memperlihatkan wujudnya kekeliruan berdasarkan faktor-faktor itu. Kekeliruan bukan saja wujud dalam pensejarahan Islam malah dapat dikatakan sebagai satu fenomena universal dalam pensejarahan.

⁶Sila rujuk Webster, *Third New International Dictionary*.

Semangat partisanship; terlalu yakin pada sumber dan pembawa sumber; gagal memahami tujuan catatan dan memahami sesuatu peristiwa dalam konteksnya yang sebenar; dan kecenderungan sejarawan atau pencatat untuk mendapat keuntungan atau penghargaan dari orang yang berkuasa dan berpengaruh adalah sifat-sifat semula jadi yang menghalang sejarawan atau pencatat berlaku adil dalam penulisannya mengikut Ibn Khaldun. Kelemahan ini ditambah pula dengan kejahilan tentang prinsip-prinsip dan undang-undang alam semulajadi, mengenai keadaan yang berbagai-bagai timbul dari tamaddun dan perubahan-perubahan pemikiran manusia yang merubah sistem kemasyarakatan dan kebudayaan manusia.

Pegangan yang dogmatis kepada sesuatu kepercayaan atau ideologi mempengaruhi aliran pemikiran sejarawan. Dan kebebasan dari sesuatu aliran pemikiran pula penting dalam membuat catatan atau menerima maklumat atau menilai catatan dan maklumat itu. Penyelidikan kritis dan *impartial* mengenai sesuatu maklumat dan catatan dapat dilaksanakan dengan saksama tanpa ikatan dengan sebarang bentuk kepercayaan atau ideologi demi mencapai matalamat pensejarahan iaitu kebenaran. Sejarawan yang dogmatis akan menerima dan mencatat maklumat-maklumat atau penerangan-penerangan yang secocok dengan ideologi dan kepercayaannya sahaja. Dengan ini maklumat yang bertentangan dengan kepercayaan atau ideologinya diketepikan walaupun kepentingannya ada.

Pensejarahan dogmatis menjadi amalan universal. Kemunculan semangat kebangsaan misalnya dikalangan negeri-negeri yang dijajah diikuti pula dengan bertambah ramai sejarawan tempatan khususnya dalam negeri-negeri yang dalam proses melepaskan diri dari penjajahan di mana usaha-usaha untuk melahirkan identiti sendiri berkembang. Semangat patriotisma yang memuncak dan mendadak mengabui sejarawan dari kebenaran. Kebanyakan sejarah ditulis dalam buaian semangat patriotisma sehingga semua hal mengenai negeri sendiri disanjung dan diagung manakala maklumat atau kegiatan mengenai negeri musuh atau penjajah disembunyikan. Penulisan dogmatis ini memberi kesan buruk pada ideologi atau kepercayaan yang bertentangan dengan yang dianuti oleh penulis sebagaimana yang dialami oleh komunisma dan facisma. Komunisma dan facisma diberi gambaran yang buruk dan menakutkan, dan gambaran ini sudah menjadi ciri-ciri umum ideologi itu, walaupun pada hakikatnya kedua bentuk ideologi ini juga membawa unsur-unsur baik dan nilai-nilai positif dan berjanji membawa pembaharuan ke arah kesempurnaan. Ini adalah kerana fakta-fakta yang mengancam penulis, sekurang-kurangnya ideologinya, tidak dicatat atau disebar. Tulisan begini di mana sekumpulan fakta-fakta ditekankan dan kumpulan fakta yang lain diabaikan (padahal keduanya sama penting) adalah *propaganda* dan bukan sejarah.

Kebenaran sejarah bergantung kuat kepada catatan atau sumber sumber fakta lainnya dan sejarawan itu sendiri. Dalam menentukan sesuatu fakta penulis catatan dan catatan itu sendiri adalah penting. Terlalu percaya pada catatan atau penulis akan menimbulkan kekeliruan, kata Ibn Khaldun. Sesuatu sumber sejarah seharusnya diterima hanya setelah dilakukan penyelidikan yang kritis dan adil dengan mengkritik kepalsuan dan membetulkan perkara-perkara yang diputar-belitkan. Terlalu percaya pada seseorang yang membuat catatan atau penyampai maklumat membawa kepada kepercayaan kepada maklumat atau catatan itu sendiri. Ini akan menimbulkan kekeliruan kerana kebenaran maklumat, catatan dan sumber itu belum diuji.

Kekeliruan juga timbul dari kegagalan memahami maksud catatan dan memahami peristiwa dalam konteksnya yang sebenar. Penulis keliru kerana tidak

dapat menangkap erti yang sebenarnya daripada apa yang telah disaksikan atau apa yang didengarnya. Oleh kerana itu penulis mencatat menurut apa yang difikirkan dan yang diangan-angankan. Kekeliruan begini dapat dilihat kalau kita mengkaji hubungan Cina-Melaka pada masa kegemilangan kerajaan Melayu Melaka. Ramai penulis menganggap Melaka sebagai sebuah kerajaan naungan China berdasarkan kepada beberapa fakta. Kesimpulan ini juga diambil berdasarkan pada kandungan surat Sultan Melaka kepada Raja China yang sebabgiannya berbunyi,

"With the highest respect from the ruler of Malacca to my esteemed father, ruler of China".⁷

Catatan ini diterima sebagai salah satu fakta yang menunjukkan kerajaan Melayu Melaka menjadi naungan dan Empayar china mempunyai beberapa hak keatas Melaka dari segi perlembagaan. Sebaliknya kalau kenyataan di atas diasaskan pada kebudayaan dan sistem kemasyarakatan tempatan (Melayu) catatan di atas tidak lebih dari penghormatan seorang orang Melayu yang biasa dibuat dalam surat menyurat. Jadi unsur merendah diri dari kontek hubungan politik tidak timbul samasekali. Jadi, sesuatu catatan tidak seharusnya dikaji dalam bentuk zahir tetapi mestilah diambil kira dari kebudayaan dan sistem nilai masyarakat itu.

Selain daripada catatan, peristiwa itu sendiri perlu dicatat mengikut konteksnya yang sebenar. Kegagalan memahami sesuatu peristiwa dalam konteksnya yang sebenarnya dapat membawa kekeliruan pada fakta, iaitu kekeliruan pada sejarah. Penulis mereka puas dengan apa yang dilihat dan didengar lalu menulis apa yang dilihat atau didengarnya, dengan memutar-belitkan pengertian. Kekeliruan ini walaupun pada zahirnya '*insignificant*' tetapi kesan terhadap sesuatu sejarah besar sekali. Kekeliruan seperti ini tidak saja wujud di zaman Ibn Khaldun dan sebelumnya tetapi juga di kurun ke 19 dan 20. Jeneralisasi yang diambil dari peristiwa-peristiwa yang tidak difahami sudah tentu menimbulkan kekeliruan dan salah anggap yang '*significant*', tambahan pula jeneralisasi itu melibatkan negara, kebudayaan, bangsa atau ugama. Dengan hanya melihat misalnya anggota-anggota sesuatu masyarakat sering bersenang-senang di kedai kopi atau ditepi jalan tanpa memahami motif dan kebudayaan yang menimbulkan tindakan seperti itu kemudian membuat jeneralisasi masyarakat itu '*malas*' adalah kurang adil. Jeneralisasi ini membawa akibat lanjut terutama kalau mahu diperinci politik dan ekonomi masyarakat itu. Kekeliruan ini kerap berlaku dikalangan penulis yang mempunyai pengetahuan singkat tentang kebudayaan tempatan dan cuba menulis sejarah berdasarkan pengetahuan itu.

Disamping itu penulis juga kadangkala mempunyai motif tertentu seperti dapat disorot dari tulisan James Brooke, Raja Sarawak Pertama. Beliau mengatakan penduduk tempatan Sarawak kebanyakannya lanun, dan beliau sungguh percaya musuhnya itu orang yang tidak menghormati undang-undang, tidak suka pada perdagangan bebas, dan tidak mahu kerajaan yang baik diadakan.⁸ Tanpa memahami mengapa penduduk tempatan bersikap dan bertindak sedemikian akan menimbulkan kekeliruan. Ada kemungkinan tindakan dan sikap mereka itu merupakan gerakbalas terhadap ancaman yang cuba menghapuskan amalan

⁷Zainal Abidin bin Abdul Wahid, (ed.), *Glimpses of Malaysian History*, DBP, K. Lumpur, 1970, h. 24.

⁸Robert Pringle, *Rajah And Rebels*, McMillan, 1970, h. 66.

tradisi dan menentang anasir-anasir baru yang cuba diperkenalkan seperti sistem perdagangan baru, dan eksploitasi politik orang asing. Salah satu daripada motif James Brooke menggambarkan penduduk tempatan sedemikian rupa kerana mahu menarik minat kerajaan Inggeris kepada Sarawak dan seterusnya membantunya dalam usaha kolonialismanya.

J.W.W. Birch, Residen Inggeris Pertama Perak, dikatakan telah 'dibunuh' oleh Datu Maharaja Lela dan pengikut-pengikutnya dalam peristiwa Perak 1875. Kerana itu sejarah telah menuduhnya sebagai 'pembunuh'. Implikasinya ia dikatakan melakukan kekejaman kerana 'membunuh'. Hakikatnya peristiwa itu boleh diterima sebagai satu tindakan 'assassination'.⁹ Ini samalah dengan motif James Brooke menggunakan perkataan 'lanun' pada penduduk tempatan yang menentanginya. Iaitu kerana ingin mendapat simpati dari pihak-pihak tertentu dan untuk membenarkan tindakan mereka selanjutnya.

Tidak dapat dinafikan kekeliruan sejarah timbul kerana penulis terpengaruh kepada sesuatu kepentingan seperti mendapat kasih dari orang yang mempunyai kedudukan tinggi, berpengaruh dan berkuasa dengan cara memuji-muji mereka dengan menyiarkan kemasyuran dengan memperbaiki segala perbuatannya dan memberikan tafsiran yang sebaik-baiknya tentang segala tindak tanduknya. Akibatnya, daripada hal-hal yang disebutkan ialah memberi gambaran yang berputar balik tentang sesuatu peristiwa sejarah. Ini dapat dilihat dalam catatan-catatan yang dibuat oleh Munsyi Abdullah dalam karangan-karangannya.¹⁰ Oleh sebab terlalu menyanjung Raffles untuk kepentingan pribadi dalam karyanya itu terdapat catatan-catatan yang membangga-banggakan kebolehan Raffles. Memuji-muji sesuatu yang berbau Inggeris dan merendahkan sesuatu yang berbau tempatan walaupun pada pandangan luar tidak baik, tetapi dalam konteks masyarakat tempat kepentingannya itu tidak dapat dinafikan. Apa lagi untuk membandingkan kebudayaan-kebudayaan dari dua tempat yang berbeda sudah tentu tidak akan membawa sebarang faedah.

Catatan-catatan dalam *Sejarah Melayu* oleh Tun Sri Lanang juga mengandungi faktor-faktor yang mengelirukan. Ada catatan yang tidak dapat diterima oleh akal manusia biasa. Kegagahan Hang Tuah dibesar-besarkan dan usaha menghubungkan keturunan Sultan-sultan Melayu Melaka dengan Iskandar Zulkarnaian, adalah memutar-belitkan kebenaran. Catatan ini dibuat mungkin atas arahan, atau pengarang mempunyai motif peribadi, dan oleh itu kebaikan saja ditonjolkan.

Faktor yang paling penting, mengikut Ibn Khaldun yang mengujudkan kekeliruan sejarah ialah kejahilan tentang hukum-hukum yang menguasai perubahan masyarakat manusia.¹¹ Sekiranya perubahan ini difahami kebenaran dan kepalsuan sesuatu catatan dapat dikaji. Kekeliruan bagini mengikut Ibn Khaldun pernah dilakukan oleh sejarawan Islam Al Masudi tentang bagaimana Iskandar Zulkarnaian berjaya membangunkan Kota Iskandariah, dan oleh Al Bakri tentang pembinaan "Gate City".¹² Keadaan dunia dan bangsa dengan adat istiadat serta bentuk kegiatannya tidak kekal dalam keadaannya begitu, tetapi berubah mengikut perubahan masa dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain. Walaupun

⁹Zainal Abidin, *op.cit.*, h. 101.

¹⁰Sila rujuk, *Kisah Pelayaran Abdullah*.

¹¹Khaldun, *op.cit.*, h. 72-73.

¹²*Ibid.*, h. 73-74.

perubahannya beransur-ansur dan memakan masa yang lama, tetapi tidak dapat dinafikan perubahan itu menuju ke arah perbezaan yang lebih besar dan jelas. Jadi dalam usaha penulis membandingkan sesuatu peristiwa dengan sesuatu peristiwa yang lain atau satu zaman dengan satu zaman yang lain dengan tidak menghiraukan perubahan ini akan akhirnya membawa kekeliruan. Membandingkan peristiwa dari dua zaman melibatkan perubahan yang besar dan ini menimbulkan kekeliruan besar pula kalau faktor-faktor perubahan tidak dipedulikan.

Mengikut Ibn Khaldun sejarawan, pengulas al Quran dan pencatat telah membuat kekeliruan tentang maklumat yang mereka lapur atau catat. Masudi dan sejarawan lain misalnya, telah menulis tentang bilangan tentera Israel di padang pasir; mengikut catatan mereka berjumlah 600,000 orang. Ibn Khaldun tidak bersetuju dengan angka ini. Katanya angka ini dibesar-besarkan. Beliau menyokong pendapatnya itu dengan memberi faktor-faktor ekonomi, strategi, kajian perbandingan dan jineologi.¹³ Membesarkan sesuatu itu sudah menjadi sifat semula jadi manusia, mengikut Ibn Khaldun.

Ibn Khaldun menyedari objektif dalam sejarah tidak mungkin dicapai sepenuhnya bila beliau mengatakan "Untruth naturally afflicts historical information . . . this unavoidable."¹⁴ Pandangan Ibn Khaldun ini dapat disamakan dengan pandangan yang dikemukakan oleh sejarawan-sejarawan akhir-akhir ini yang mengatakan,

"... since all historical judgements involve persons and points of view, all is as good as another and there's no 'objective' historical truth."¹⁵

Sejarawan sebagai manusia biasa tidak dapat tidak sudah tentu dipengaruhi oleh faktor-faktor yang disebut oleh Ibn Khaldun itu dalam penulisan mereka. Bukanlah pula beliau mahu membersihkan faktor-faktor itu daripada mempengaruhi penulisan sejarah, kerana beliau sendiri menyedari itu adalah tidak mungkin. Apa yang mahu ditekankan oleh Ibn Khaldun ialah sebelum sesuatu catatan atau maklumat itu diterima dan disebarkan segala penyelidikan yang perlu berdasarkan pengetahuan yang luas dan pemikiran kritis hendaklah dilakukan. Maksud utama diadakan proses itu ialah untuk mendapat kebenaran. Untuk mencari kebenaran ini juga Ibn Khaldun telah menyarankan supaya sains kebudayaan diwujudkan,

"... the primary end of the science of culture is serve as a tool for use in the rectification of historical reports".¹⁶

Kebenaran catatan dapat diuji dengan menggunakan disiplin baru Sains Kebudayaan.

Kesimpulannya sumbangan Ibn Khaldun dalam Disiplin Sejarah sewajarnya diberi penghargaan khusus tentang kesedaran perimustahak kebenaran dalam sejarah dan pendekatan multi-disciplinary dalam pensejarahan kerana kedua prinsip ini masih menjadi asas Disiplin Sejarah.

¹³Muhsin Mahadi, *Ibn Khaldun's Philosophy of History*, University of Chicago Press, London, 1964, h. 149-150.

¹⁴Ibn Khaldun, *op.cit.*, h. 71.

¹⁵E.H. Carr, *op.cit.*, h. 8.

¹⁶Muhsin Mahadi, *op.cit.*, h. 229